PEJABAT PENDAFTAR
*REGISTRAR OFFICE*

Rujukan Kami : UPM.PEND.100-1/5/1 (19)
Tarikh : 30 Januari 2026

**PEKELILING PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**CERAIAN SR.1.1.1 (UPM) PELAKSANAAN KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM (PS) DAN PAKAIAN KEPERLUAN TUGAS (PKT) KEPADA PEKERJA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

## TUJUAN

1. Ceraian SR.1.1.1 (UPM) ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan Kemudahan Pakaian Seragam (PS) dan Pakaian Keperluan Tugas (PKT) kepada pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk disesuaikan dengan pelaksanaan di Universiti Putra Malaysia.

## LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.1.1.1 (2022): Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam yang berkuat kuasa sehingga 30 November 2024 memperuntukkan kelayakan dan peraturan Kemudahan Pakaian Seragam kepada Pegawai Perkhidmatan Awam. Pemberian Kemudahan Pakaian Seragam adalah berdasarkan asas kelayakan iaitu sebagai lambang kuasa, perlindungan dan keselamatan diri serta kebersihan dan rupa.

3. Pada Disember 2024, Kerajaan melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024). Pekeliling ini memperkenalkan semula dasar kemudahan pakaian seragam bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan supaya pelaksanaannya lebih teratur, jelas dan berkesan.

4. Ceraian SR.1.1.1 (UPM) ini disediakan susulan daripada pindaan serta penambahbaikan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2024 – Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)



Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
603-9769 1527 https://www.pendaftar.upm.edu.my

yang telah disesuaikan mengikut keperluan semasa dan merujuk kepada pelaksanaan yang bersesuaian dengan konteks UPM.

5. Walau bagaimanapun, Universiti masih menerima pakai pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan berhubung peruntukan bekalan PS dan PKT yang melebihi panduan ini.

6. Sehubungan itu, Kemudahan Pakaian Seragam sedia ada diperkemas kepada dua (2) kategori iaitu:

a. Pakaian Seragam (PS); dan
b. Pakaian Keperluan Tugas (PKT).

## KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM (PS)

### Definisi dan Kriteria

7. Kemudahan PS diberikan sebagai lambang kuasa kepada pegawai yang perkhidmatannya melibatkan pertahanan dan kedaulatan Negara, keselamatan dan ketenteraman awam seperti pasukan polis, tentera, bomba, kastam, imigresen dan lain-lain yang lazimnya memerlukan pakaian seperti bush jaket dan pakaian operasi.

### Komponen

8. PS adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk PS yang meliputi perkara-perkara berikut:-

a. Pakaian (baju, seluar, kain);
b. Topi/Songkok/Tudung;
c. Tali pinggang/ Tali leher; dan
d. Kasut

## KEMUDAHAN PAKAIAN KEPERLUAN TUGAS (PKT)

### Definisi dan Kriteria

9. Kemudahan PKT diberikan bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri serta pengenalan diri pegawai semasa bertugas di lapangan, makmal, bengkel atau yang setara. Ia juga memenuhi keperluan kod etika berpakaian yang ditetapkan untuk melaksanakan tugas.

### Komponen

10. PKT adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan rekabentuk PKT yang meliputi perkara-perkara berikut:-

a. Pakaian (baju, seluar, kain);
b. Vest
c. Topi/Songkok/Tudung; dan
d. Kasut

11. Lain-lain kelengkapan selain dari perenggan 8 dan perenggan 10 adalah dikategorikan sebagai Kelengkapan Perlindungan Diri (KPD) yang perlu mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) UPM. Pembayaran bagi perkara ini di bawah tanggungan peruntukan berpusat yang diselia oleh PPKKP.

**Kelayakan**

12. Pekerja yang layak menerima peruntukan PS dan PKT umumnya dibahagikan kepada berikut:-

12.1 Kelayakan pembekalan PS dan PKT

| Bil | Taraf Lantikan | Kelayakan |
|---|---|---|
| 1 | Tetap | Layak |
| 2 | Kontrak * (minimum tempoh kontrak 6 bulan) | |

12.2 **Pekerja lantikan pertama**
Pekerja tetap adalah layak untuk dibekalkan PS setelah berkhidmat sekurangnya tiga (3) bulan manakala pekerja lantikan kontrak pembekalan PS setelah berkhidmat sekurangnya-kurangnya enam (6) bulan.

12.3 **Lantikan pekerja selepas proses pembekalan/penyerahan pakaian seragam**
Pembekalan tambahan akan dilakukan berdasarkan jumlah pekerja yang terlibat dan justifikasi yang kukuh (memerlukan PS dan PKT bagi menjalankan tugas).

**Kuantiti**

13. PS adalah dibekalkan secara langsung kepada pekerja yang layak yang meliputi kategori jawatan sebagaimana **Lampiran A**.

14. PKT adalah dibekalkan secara langsung kepada pekerja yang layak meliputi kategori jawatan sebagaimana **Lampiran B.**

**PEMAKAIAN KELULUSAN TERDAHULU**

15. Pegawai yang telah dibekalkan PS dan baju vest sebelum pelaksanaan Ceraian ini adalah terus menerima kemudahan ini dan akan dikategorikan mengikut perenggan 6 serta tertakluk kepada peruntukan di Ceraian ini. Surat kelulusan baharu mengikut kategori ini akan dikeluarkan oleh JPA bagi pelaksanaan dalam SSPA.

**TATACARA PERMOHONAN**

16. Pembekalan PS dan PKT adalah berdasarkan kekerapan dan bilangan dengan merujuk kepada Jadual di **Lampiran A** dan **Lampiran B**. Komponen yang layak untuk pegawai dan bilangan pembekalan PS dan PKT berdasarkan kemampuan kewangan universiti dan kelulusan Jawatankuasa Pakaian Seragam dan Keperluan Tugas (JPSKT) UPM.

17. PTJ yang gagal memberikan maklumat yang lengkap atau lewat tidak akan dibekalkan PS dan PKT secara berpusat dan perlu menggunakan peruntukan PTJ bagi pembekalan PS dan PKT.

18. Pihak Universiti tidak akan membayar tempahan PS dan PKT yang dibuat sendiri oleh pekerja tanpa mendapat kelulusan JKPST UPM.

19. Sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan PS dan PKT selepas dibekalkan yang disebabkan oleh kecuaian atau bukan disebabkan oleh aktiviti kerja rasmi di UPM, sebarang tuntutan atau gantian tidak boleh dibuat kepada Universiti.

20. Reka bentuk dan warna PS dan PKT bagi pekerja UPM diperakukan oleh JPSKT UPM dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) (rujuk **Lampiran A** atau **Lampiran B**).

21. Sebarang cadangan pindaan kepada reka bentuk dan warna perlu dirujuk dan mendapat perakuan JPSKT UPM.

22. Permohonan melalui kertas kerja untuk perubahan reka bentuk atau warna hendaklah dibawa dalam mesyuarat JPSKT UPM yang meliputi perkara-perkara berikut:-

22.1 Tujuan;

22.2 Latar belakang;

22.3 Justifikasi cadangan;

22.4 Lakaran rekabentuk serta penerangan;

22.5 Contoh kain;

22.6 Impak cadangan;

22.7 Implikasi sumber; dan

22.8 Syor

23. JPSKT UPM boleh mempertimbangkan dan memperaku pindaan reka bentuk atau warna PS/ PKT mengikut kesesuaian (berdasarkan justifikasi dan keperluan semasa) yang akan dikemukakan kepada JPU untuk kelulusan.

## PERATURAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN KEPERLUAN TUGAS

24. Pembekalan PS dan PKT kepada pegawai hendaklah mematuhi prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 2.3: Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan pindaannya dari semasa ke semasa.

25. Pekerja yang dibekalkan dengan PS dan PKT diwajibkan memakai pakaian tersebut sepanjang waktu bertugas dan pemantauan akan dibuat oleh Ketua PTJ/ Penyelia.

26. Sekiranya pekerja didapati tidak memakai pakaian PS atau PKT; atau didapati menjual PS dan PKT yang dibekalkan maka, Ketua Jabatan berhak untuk mengambil tindakan berikut:-

a. memberhentikan pembekalan PS dan PKT kepada pekerja yang berkenaan; dan
b. mengambil tindakan tatatertib ke atas pekerja terbabit.

27. Pekerja yang akan bersara/ berhenti/ tamat perkhidmatan pada tahun pembekalan adalah tidak layak mendapat PS/PKT**.**

28. Urusan pembekalan PS dan PKT kepada pekerja hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April atau dalam tempoh yang bersesuaian berdasarkan kepada kaedah pembekalan PS dan PKT (perolehan Universiti, elaun atau tuntutan semula).

## TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PAKAIAN SERAGAM DAN KEPERLUAN TUGAS (JKPST) UPM

29. JPSKT hendaklah:

a. menimbang dan meluluskan permohonan dari segi bilangan/kuantiti, jenis pakaian dan kaedah pembekalan PS dan PKT yang dikemukakan oleh PTJ;

b. menimbang dan meluluskan permohonan bilangan kasut yang perlu diterima oleh staf mengikut kelayakan pegawai;
c. mempertimbang permohonan rekabentuk, warna dan spesifikasi PS dan PKT yang baharu sekiranya ada keperluan;
d. membuat kawalan dan menyelaras bilangan keperluan PS dan PKT dalam pelaksanaan;
e. memastikan pelaksanaan Panduan Pakaian Seragam dan Pakaian Keperluan Tugas UPM dipatuhi; dan
f. membuat perakuan permohonan PS dan PKT kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.

**TARIKH KUAT KUASA**

30. Ceraian pekeliling ini berkuat kuasa mulai Disember 2025 melalui petikan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali ke-186 (Minit 186/12) bertarikh 27 Oktober 2025.

**PEMBATALAN**

31. Dengan berkuat kuasanya ceraian Pekeliling ini, Pekeliling dan Surat Pekeliling UPM 2009 seperti berikut adalah dibatalkan:

(i) Pekeliling Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2009 : Garis Panduan pembekalan Pakaian Seragam Dan Pakaian Keselamatan Staf Universiti; dan

(ii) Lampiran A: Garis Panduan Bekalan Pakaian Seragam dan Pakaian Keselamatan.

**PEMAKAIAN**

19. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh Universiti Putra Malaysia, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM.

**MAKLUMAT PERTANYAAN**

30. Sebarang pertanyaan berhubung Ceraian Pekeliling ini boleh ditujukan kepada:

Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar,Tingkat 3,
Bangunan Canselori Putra,
43400 UPM Serdang,
SELANGOR.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MUHAZAM BIN MANSOR)**
Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

**LAMPIRAN A**

## GARIS PANDUAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM

| Bil | Gred | Skim Jawatan/ PTJ/Tempat | Jenis Pakaian/Aksesori | Kuantiti | Warna | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** | | | | | |
| **POLIS BANTUAN** | | | | | | |
| | **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** | | | | | |
| 1 | ACP | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *Sam Browne Belt & Cross Belt* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | Songkok | 1 | Hitam | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | Stok |
| | | | **Epaulette Paku* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | Stok |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |
| 2 | SUPT/<br>DSP/<br>ASP | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *Sam Browne Belt & Cross Belt* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | Songkok | 1 | Hitam | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | Stok |
| | | | **Epaulette Paku* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | Kumpulan Sokongan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | INSP | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Operasi/ Kawad |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *Sam Browne Belt & Cross Belt* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 3 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | Songkok | 1 | Hitam | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | Stok |
| | | | **Epaulette* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | SUB INSP | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Operasi/ Kawad |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *Sam Browne Belt & Cross Belt* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 3 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | Songkok | 1 | Hitam | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | **Angklet Kanvas* | 1 | Putih | Stok |
| | | | **Epaulette* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Bahu Polis Bantuan | 2 | | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Pangkat | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | SARJAN MEJAR | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Operasi/ Kawad |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kanvas | 1 | Hitam | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 3 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | Songkok | 1 | Hitam | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | Stok |
| | | | *Selempang Biru | 1 | Biru | |
| | | | **Epaulette* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Pangkat Sulam | 1 | Emas | |
| | | | *Lencana Bahu Polis Bantuan | 2 | | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | SARJAN | | Pakaian Seragam (Tuck In) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja. Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | # Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Operasi/ Kawad |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kanvas | 1 | Hitam | Stok |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 3 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | Stok |
| | | | *Selempang Biru | 1 | Biru | |
| | | | *Sarung Tangan Pendek | 2 | Putih | |
| | | | **Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 7 @ 12 | Perak | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Bahu Polis Bantuan | 2 | | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Pangkat | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | KOPRAL/<br>LANSKOPRAL/<br>KONSTABEL | | Pakaian Seragam (Tuck In) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 @ 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja. Tukar ganti dengan Baju Operasi |
| | | | Baju Operasi | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Operasi/ Kawad |
| | | | Kasut Operasi | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Selempang & Tali Pinggang Kanvas | 1 | Putih | 2 tahun sekali |
| | | | *Barret* | 2 | Biru Gelap | |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 3 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | *Angklet Kanvas | 1 | Putih | 2 tahun sekali (lelaki sahaja) |
| | | | *Sarung Tangan Pendek | 2 | Putih | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 7 @ 12 | Perak | 7 Lelaki/12 Wanita |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Bahu Polis Bantuan | 2 | | |
| | | | *Lencana Kolar Logam PDRM | 2 | | |
| | | | *Lencana Logam Intergriti | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Pangkat | 1 | | |
| | | | *Lencana Logam Tangan Bersalaman | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pengarah Keselamatan)** | | | | | |
| 1 | N12<br>KP12 | Pengarah Keselamatan | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Kawad |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | *Barret* | 2 | Maroon | |
| | | | *Peak Cap* | 1 | Maroon | 2 tahun sekali |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | Stok |
| | | | **Epaulette Paku* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Emas | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tongkat | 1 | Hitam | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** | | | | | | |
| 2 | G9<br>G10<br>G11 | Pemelihara Hutan<br>• SISFEC | *Multipurpose Safety Jacket* | 2 | *Khakis (Coklat Muda)* | 2 tahun sekali |
| | | | But Renjer (spike boot) | 1 | Hijau | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | *Summer Cap* | 1 | Hijau Gelap | 2 tahun sekali |
| 3 | KP9<br>KP10 | Pegawai Keselamatan | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Kawad |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Maroon | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Maroon | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | **Epaulette Paku* | 2 | Hitam | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Emas | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | **Kumpulan Sokongan** | | | | | |
| 4 | G5<br>G6 | Penolong Pemelihara Hutan | Bush Jacket | 1 | Hijau Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Pakaian Seragam (tuck in ) | 2 | Hijau (kecoklatan) | |
| | | | But Renjer (spike boot) | 1 | Hijau | |
| | | | Kasut | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Renjer (gold buckle) | 1 | Hijau Gelap | |
| | | | Tudung | 2 | Hijau Gelap | Wanita |
| | | | **Epaulette(keras)* | 1 | Hijau Gelap | Bergantung kepada pangkat |
| | | | **Epaulette(kain)* | 1 | Hijau Gelap | Bergantung kepada pangkat |
| | | | *Butang (kecil/besar) | 20 | Emas | |
| | | | *Summer cap* | 1 | Hijau Gelap | |
| 5 | KP5<br>KP6 | Penolong Pegawai Keselamatan | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 3 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/ Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 @ 1 | Hitam | Tukar ganti dengan Kasut Kawad |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 4 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Maroon | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Nylon | 1 | Biru Gelap | Stok |
| | | | **Epaulette* | 2 | Hitam | Stok |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 12 | Emas | |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Wisel | 1 | Silver | Stok |
| | | | *Lencana Bahu Keselamatan | 2 | | |
| 6 | KP1<br>*KP11 | Pembantu Keselamatan<br>Pengawal Keselamatan | Pakaian Seragam (Tuck In) | 4 | Biru Gelap | Lelaki sahaja |
| | | | Pakaian Seragam (Bush Jacket) | 4 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Jaket Operasi | 1 | Biru Gelap | 2 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 2 | Hitam | |
| | | | Kasut Kawad (Tapak Berpaku) | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | Tali Pinggang Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | Topi (Bowler Hat) | 2 | Maroon | Wanita sahaja |
| | | | Tudung | 4 | Biru Gelap | Wanita sahaja |
| | | | *Barret* | 2 | Maroon | |
| | | | Vest Pantulan Cahaya | 1 | Hijau Muda | 2 tahun sekali |
| | | | **Epaulette* | 2 | Hitam/Kuning | |
| | | | *Sarung Tangan Pendek | 2 | Putih | |
| | | | *Butang Besi (Kecil/Besar) | 7 @ 12 | Emas | 7 Lelaki/12 Wanita |
| | | | **Silver Chain* | 1 | Perak | |
| | | | *Tanda Nama (Name Tag) | 1 | | |
| | | | *Wisel | 1 | Silver | |
| | | | *Lencana Bahu Keselamatan | 2 | | |
| 7 | KP1 | Pembantu Keselamatan<br>(Unit Bantu Mula,<br>PPKKP) | Pakaian Seragam Operasi | 2 | Biru Gelap | Baju<br>Seluar |
| | | | Jaket Operasi - Formal | 1 | Biru Gelap | |
| | | | #Baju Hujan | 1 | Kuning/Hijau | 3 tahun sekali |
| | | | Kasut Kulit | 1 | Hitam | |
| | | | But Operasi | 1 | Hitam | |
| | | | Tali Pinggang Kulit | 1 | Hitam | |

# guna peruntukan OSH

* guna peruntukan PTJ/ stok

*LAMPIRAN B*

**GARIS PANDUAN BEKALAN PAKAIAN KEPERLUAN TUGAS**

| Bil | Gred | Skim Jawatan/ PTJ/Tempat | Jenis Pakaian/Aksesori | Kuantiti | Warna | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)** | | | | | |
| 1 | S9<br>S11 | Pegawai Hal Ehwal Islam | Jubah Gemis | 2 | Putih & Kuning | |
| | | | Jubah Gemis (Kot) | 1 | Kelabu | 2 tahun sekali |
| | | | Seluar | 2 | Putih & Kuning | |
| | | | Tudung Labuh | 2 | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Kopiah/tarbus | 1 | Putih (Lilitan merah) | Lelaki sahaja |
| 2 | UD12-15 | Pegawai Perubatan | *Scrub Suit* | 1 | | |
| 3 | UG10-14 | Pegawai Pergigian | *Scrub Suit* | 1 | | |
| 4 | U9<br>U10 | Jururawat 1<br>• Am | Pakaian Jururawat | 3 | Maroon (HSAAS) | Baju |
| | | | | | | Seluar |
| | | | | | Putih | Tudung/Cap (Wanita sahaja) |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam/Putih | PKU- Hitam, HSAS-Putih |
| 5 | U9 | Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>• Am | Kemeja | 3 | Putih | |
| | | | Seluar | | Hitam | |
| | | | Tali Leher | | Hitam | |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | C5<br>C6 | Penolong Pegawai Sains<br>• Fakulti Sains Teknologi Makanan<br>(Bahagian Kulinari Makanan) | *Chef Jacket* | 2 | Putih | |
| | | | Seluar Panjang | 2 | Hitam | |
| | | | *#Full Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *#Long Half Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | Topi Chef | 2 | Putih | Lelaki sahaja |
| | | | *Tudung* | 2 | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Atau | | | |
| | | (Bahagian Perkhidmatan Makanan) | Kemeja | 2 | Putih | |
| | | | Seluar | | Hitam | |
| | | | *Blazer Jacket* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *#Full Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *#Long Half Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *Bow Tie* | 2 | Hitam | |
| | | | *Tudung* | 2 | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| 7 | S5 | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam | Jubah Gemis | 2 | Putih & Kuning | |
| | | | Jubah Gemis (Kot) | 1 | Kelabu | 2 tahun sekali |
| | | | Seluar | 2 | Putih & Kuning | |
| 8 | U5<br>U6<br>U7<br>U32 | Jururawat 2 | Pakaian Jururawat | 3 | Putih/ Biru Gelap/ Biru Cerah (HSAAS) | Baju |
| | | | | | | Seluar |
| | | | | | Putih | Tudung/Cap (Wanita sahaja) |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam/Putih | PKU- Hitam, HSAS-Putih |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | U5<br>U6 | Penolong Pegawai Farmasi | Kemeja | 3 | Kelabu/ Viridian Grey (HSAAS) | |
| | | | Seluar | | | |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 10 | U5<br>U6 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran | Kemeja | 3 | Putih | |
| | | | Seluar | | Biru Gelap | |
| | | | Tali Leher | | Hitam | |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| 11 | U5<br>U6<br>U7 | Penolong Pegawai Perubatan 2 | Kemeja | 3 | Maroon/ Putih/ Navy Blue/ Biru Cerah (HSAAS) | |
| | | | Seluar | | Hitam | |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 12 | U6 | Juruterapi Pergigian | Baju | 3 | | |
| | | | Seluar | | | |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 13 | U5/ U6/<br>U7 | Juru X-Ray | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 14 | U5/ U6/ U7 | Juruteknologi Makmal Perubatan | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 15 | U5/ U6 | Jurupulih Perubatan | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | S2 | Pembantu Hal Ehwal Islam | Jubah Gemis | 2 | Putih & Kuning | |
| | | | Jubah Gemis (Kot) | 1 | Kelabu | 2 tahun sekali |
| | | | Seluar | 2 | Putih & Kuning | |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| 17 | C1 | Pembantu Makmal<br>• Fakulti Sains Teknologi Makanan (Bahagian Kulinari Makanan) | *Chef Jacket* | 2 | Putih | |
| | | | Seluar Panjang | 2 | Hitam | |
| | | | *#Full Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *#Long Half Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | Topi Chef | 2 | Putih | Lelaki sahaja |
| | | | *Tudung* | 2 | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| | | | Atau | | | |
| | | (Bahagian Perkhidmatan Makanan) | Kemeja | 2 | Putih | |
| | | | Seluar | | Hitam | |
| | | | *Blazer Jacket* | 1 | Hitam | 2 tahun sekali |
| | | | *#Full Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *#Long Half Apron* | 1 | Maroon | |
| | | | *Bow Tie* | 2 | Hitam | |
| | | | *Tudung* | 2 | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| 18 | H1 | Pembantu Khidmat Am<br>• Pemandu Pegawai Utama Universiti | Bush jacket | 1 | Biru Gelap | |
| | | | Seluar Panjang | | | |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| | | | Atau | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | • Pemandu Ambulans | Kemeja | 3 | Putih | |
| | | | Seluar | | Hitam | |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 2 | Hitam | |
| | | | Atau | | | |
| | | • Fakulti Ekologi<br>(Makmal Perkembangan kanak-kanak) | *Chef Jacket* | 2 | Putih | Bertugas dalam penyediaan makanan |
| | | | Seluar Panjang | | | |
| | | | Kasut | | Hitam | |
| 19 | U1 | Jururawat Masyarakat | Pakaian Jururawat | 3 | Putih | Baju |
| | | | | | | Seluar |
| | | | | | | Tudung/Cap (Wanita sahaja) |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam/Putih | PKU- Hitam, HSAS-Putih |
| 20 | U1<br>U2 | Pembantu Pembedahan Pergigian | Baju | 3 | Putih | |
| | | | Seluar | | | |
| | | | Tudung/Cap | | | Wanita sahaja |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam/Putih | PKU- Hitam, HSAS-Putih |
| 21 | U1<br>U11 | Pembantu Perawatan Kesihatan | Kemeja | 3 | Putih / Kelabu (HSAAS) | |
| | | | Seluar | | | |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | (Kaunter Perkhidmatan Pelanggan) | Atau | | | |
| | | | Kemeja | 3 | Maroon | |
| | | | Seluar | | | |
| | | | Tudung | | Putih | Wanita sahaja |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 22 | U1 | Pembantu Kesihatan Awam | Kemeja | 3 | Putih | |
| | | | Seluar | | Putih / Biru Gelap | |
| | | | Tudung | | Putih | Wanita sahaja |
| | | | *Scrub Suit* | 1 | | |
| | | | Kasut | 1 @ 2 | Hitam | |
| 23 | ADK | • PPKKP<br>• PPPA<br>• Idec<br>• PKU<br>• APSeC<br>• SISFEC<br>• PSPK | Vest/ Jaket | 1 | | 3 tahun sekali.<br>Identiti bagi aktiviti pemeriksaan/ serbuan/ siasatan/ lapangan (media) |
| 24 | DG9-12 | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan | Apron Kain | 1 | Putih | Fakulti Ekologi (Makmal Perkembangan kanak-kanak) |
| | C5 | Penolong Pegawai Sains | | | | |
| | H1 | Pembantu Khidmat Am | | | | |
| | PE.4/ PE.5 | Pegawai Eksekutif 4/ 5 | | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | S1-3 | Pembantu Pustakawan<br>• PSAS | Blazer | 1 | Biru Gelap | 3 tahun sekali. Bertugas di kaunter |
| | W1-3 | Pembantu Tadbir<br>(Kewangan)<br>• Kaunter Khidmat Pelanggan, Bendahari 3 | | | | |
| | H1 | Pembantu Khidmat Am<br>• Pejabat Pendaftar<br>• PKU | | | | |

# guna peruntukan OSH

**ADK**: akan berubah ikut keperluan pemeriksaan di PTJ

| Gred | Skim Jawatan |
|---|---|
| C | Pegawai Sains / Penolong Pegawai Sains |
| DS | Pensyarah |
| KP | Pegawai Keselamatan / Penolong Pegawai Keselamatan |
| J | Jurutera / Penolong Jurutera |
| U | Pegawai Perubatan / Penolong Pegawai Perubatan |
| | Pegawai Kesihatan Persekitaran |
| | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran |